

### 3. Prosedur Pemerbadanan Syarikat Persendirian

Bilangan anggota syarikat persendirian adalah terdiri daripada sekurang-kurangnya **dua orang** dan tidak melebihi 50 orang. Berikut adalah prosedur memperbadankan syarikat persendirian:

**1.**

#### Permohonan Carian Nama Syarikat

- i) Pemohon perlu mengemukakan cadangan nama syarikat kepada SSM untuk melakukan carian nama.
- ii) Pemohon perlu mendapatkan kelulusan nama dari SSM. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan daripada menggunakan nama syarikat sama seperti yang telah berdaftar atau nama syarikat yang dikawal oleh SSM.



**2.**

#### Permohonan pemerbadanan syarikat menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran Sesebuah Syarikat (Seksyen 14) di bawah Akta Syarikat 2016.

Maklumat yang perlu dilengkapkan adalah berikut:

- Nama syarikat yang dicadangkan.
- Status syarikat.
- Jenis perniagaan.
- Alamat pejabat berdaftar.
- Alamat pemegang saham.
- Maklumat pemegang saham.
- Maklumat saham syarikat.
- Maklumat penyerahsimpan borang.



Rajah 6.3 Prosedur pemerbadanan syarikat persendirian.